

THE DA VINCI CODE: Memisahkan Fakta daripada Cerita Rekaan

KANDUNGAN

“Tolong, Tolonglah Saya!”	2
Apakah Kebenaran Itu?..	3
Memisahkan Fakta Daripada Cerita Rekaan	6
Ujilah Roh	15

Setelah *The Da Vinci Code* karangan Dan Brown diterbitkan pada Mac 2003, ia segera menjadi buku terlaris dalam senarai surat khabar *The New York Times*. Setahun kemudian, buku ini diumumkan sebagai buku terlaris di 100 buah negara, sementara Doubleday, penerbit buku itu menyebutnya sebagai “bacaan dewasa yang terlaris.”

Mengapa buku ini sangat diminati? Penulis mendakwa bahawa dia berjaya memberi suatu teori fiksiyen mengenai persubahatan berdasarkan fakta dan mengandaikan bahawa “bukti saintifik menunjukkan bahawa Perjanjian Baru itu adalah kesaksian palsu” (hal. 341).

Oleh sebab gabungan “bacaan yang baik” dan sejarah yang buruk tidak berbaloi dibela dengan bermati-matian, maka kami telah meminta editor penyelidik RBC, Dennis Fisher, untuk membantu kami mengasingkan fakta daripada cerita rekaan.

Martin R. De Haan II

“TOLONG, TOLONGLAH SAYA!”

E-mel sampai ke pejabat kami dengan nada terdesak. Inilah yang tertulis:

Kepada RBC,
Saya tidak tahu kepada siapa lagi untuk meminta tolong. Saya berdoa kepada Tuhan agar anda boleh menolong saya.

Saya mula membaca buku yang ditulis oleh Dan Brown berjudul *The Da Vinci Code*. Buku itu cukup menarik sehinggalah saya sampai kepada bahagian yang menceritakan tentang permulaan agama Kristian. Penulis menyatakan bahawa agama ini tidak benar, dan pada dasarnya agama Kristian itu merupakan suatu pembohongan dan dicuri daripada agama kafir.

Pertubuhan-pertubuhan rahsia, *Holy Grail*, gereja yang mengubah fakta, dan beberapa bahagian Alkitab telah dibuang. Adakah semua itu benar?

Banyak bahagian cerita ini masuk akal. Ada beberapa perkara yang saya pernah dengar tetapi tidak menghiraukannya. Tetapi sekarang saya harus tahu. Adakah selama 25+ tahun saya menjadi Kristian suatu pembohongan belaka? Adakah Yesus hanya manusia biasa? Adakah semua itu benar-benar berlaku? Adakah Dia berkahwin dengan Maria Magdalena? Adakah segala perkara yang saya percayai sejak kecil adalah direka semata-mata kerana wang? Saya harus tahu kebenaran.

Saya tidak tahu kepada siapa lagi untuk minta tolong. Sekarang saya meragui kewujudan

syurga, Tuhan, dan Yesus. Tolong, demi nama Tuhan, tolonglah saya. Saya hancur hati, bingung, dan masih menangis.

Tindak balas orang ini tidak menghairankan. Buku *The Da Vinci Code* mempunyai jalan cerita yang menyukarkan pembaca mengetahui di mana kebenaran bermula dan berakhir. Walaupun buku itu ditulis sebagai novel, misteri pembunuhan yang bersubahat ini dikatakan berdasar pada fakta sejarah yang dikaji dengan baik—fakta yang bercanggah dengan sejarah agama Kristian.

APAKAH KEBENARAN ITU?

Novel *The Da Vinci Code* yang ditulis oleh Dan Brown bermula dengan pembunuhan Jacques Saunière, kurator Muzium Louvre di Paris. Waktu dia hampir meninggal, Jacques mendengar pembunuhnya berkata, “Selepas awak tiada, hanya aku seorang yang tahu kebenaran itu.”

Kebenaran itu. Pada saat itu, kurator menyedari kengerian sebenar keadaan masa itu. *Jika aku mati, kebenaran itu akan hilang selamalamanya* (hal. 4).

Dengan sebiji peluru terbenam di dalam perutnya, kurator dicengkam oleh ... ketakutan yang lebih besar daripada kematiannya sendiri. *Aku mesti menurunkan rahsia itu. ...* Dia ingat akan generasi-generasi yang

hidup sebelum mereka ... tentang misi yang diamanahkan kepada mereka semua. *Suatu rentetan pengetahuan yang tidak terputus.* Tiba-tiba, sekarang, meskipun ada langkah beringat-ingat... walaupun ada langkah-langkah keselamatan... hanya Jacques Saunière seorang yang tinggal sebagai penghubung, satu-satunya penjaga rahsia paling berkuasa yang pernah disimpan. Dengan gemetar, dia memaksa dirinya untuk berdiri. *Aku mesti mencari jalan ...* (hal. 5).

Apakah jalan cerita *The Da Vinci Code*?

The Da Vinci Code adalah novel yang mengandungi komplot dan persubahatan yang rumit.

Semasa di Paris untuk urusan perniagaan, seorang profesor Harvard yang bernama Robert Langdon,

menerima satu panggilan kecemasan. Kurator muzium seni Louvre telah didapati terbunuh. Polis bingung dengan mesej berkod yang ditinggalkan oleh orang mati itu, yang ditulis dengan darahnya sendiri. Langdon mengikut jejak misteri ini yang membawanya kepada kunci-kunci yang ditinggalkan dalam karya seni Leonardo Da Vinci. Dia bekerjasama dengan ahli kriptologi, iaitu Sophie Neveu, cucu perempuan Saunière. Mereka berdua mendapati bahawa kurator yang meninggal itu adalah anggota suatu pertubuhan rahsia, iaitu *Priory of Sion*. Antara anggota pertubuhan itu termasuklah Isaac Newton, Victor Hugo, dan Leonardo Da Vinci. Di sebalik pembunuhan ini, *Opus Dei*, suatu organisasi awam Katolik, sedang berkomplot untuk menghalang penemuan rahsia purba, iaitu *Holy*

Grail, yang disembunyikan oleh *Priory of Sion* selama berabad-abad. Jika rahsia ini ditemui, ia akan menggoncangkan dasar gereja dan iman yang telah diberitakannya selama dua ribu tahun.

Plot Dan Brown memetik maklumat daripada pengetahuan umum tentang skandal gereja dahulu dan sekarang, dan disyorkan sebagai bacaan yang baik dan provokatif oleh pengkritik yang berprestij. *The Library Journal* mengesyorkan buku *The Da Vinci Code* sebagai “adunan sejarah yang menambat perhatian serta novel yang sangat menarik.”

Mengapakah keyakinan beberapa pembaca digoncangkan oleh novel ini?

Pokok kontroversi novel ini adalah pendedahan yang dikatakan dibuat oleh buku itu terhadap gereja

bersejarah dan Alkitabnya. Oleh sebab pengikut Kristus bermati-matian untuk mempertahankan rekod Alkitab, buku *The Da Vinci Code* menyinggung perasaan apabila “pakar” dalam novel ini mengisytiharkan bahawa, **“Gereja mempunyai dua ribu tahun pengalaman untuk menekan orang yang mengancam untuk mendedahkan pembohongannya. Sejak zaman Konstantin, gereja berjaya menyembunyikan kebenaran tentang Maria Magdalena dan Yesus. Kita tidak seharusnya hairan bahawa sekarang pun, mereka telah menemukan jalan untuk menghalang dunia daripada mengetahui apa-apa sekali lagi”** (hal. 407).

Brown mendakwa bahawa bukti purba menunjukkan bahawa Yesus bukan manusia-Tuhan, sebagaimana yang digambarkan oleh gereja.

Sebaliknya, “pakar-pakar” novel itu menggambarkan Yesus sebagai manusia biasa yang mempunyai anak dengan Maria Magdalena dan memberi dia tanggungjawab untuk mengetuai para pengikut-Nya selepas Dia pergi.

Sumber dakwaan ini adalah kumpulan injil Gnostik purba yang ditemui di Nag Hammadi, Mesir pada tahun 1945. Antara dokumen-dokumen itu ada dua dokumen yang membayangkan falsafah purba Gnostikisme, *The Secret Books of James* (Buku-buku Rahsia Yakobus) dan *The Gospel of Thomas* (Injil Tomas).

Sejak zaman gereja-gereja awal Kristian, penganut Gnostik telah mempromosikan pandangan yang berbeza tentang Kristus. Mereka mendakwa mempunyai “pengetahuan rahsia” yang perlu untuk mengenal

kebenaran tentang Tuhan.

Berkaitan dengan ajaran Gnostikisme abad kedua, satu sumber moden berkata, Dari sudut pandangan ajaran Kristian tradisional, pemikiran Gnostik agak asing. Latar belakang mitosnya mengenai penebusan memperkecil-kecilkan peristiwa bersejarah tentang kehidupan, kematian, dan kebangkitan Yesus. Pandangannya terhadap perhubungan manusia dengan Tuhan menyangkal kepentingan peribadi dan pekerjaan Kristus. Dalam konteks Gnostik, “penyelamatan” tidak difahami sebagai pembebasan daripada dosa, melainkan wujud suatu bentuk kesedaran diri (*The New Bible Dictionary*).

Walaupun injil-injil Gnostik adalah tulisan pada abad kedua dan ketiga, buku *The Da Vinci Code*

menganggapnya sebagai “buku-buku daripada Alkitab yang hilang” yang memaparkan gambaran Yesus dan ajaran-Nya yang betul. Pengetahuan rahsia, penyembahan dewi, dan pendewaan diri muncul sebagai teori alternatif kepada rekod bersejarah Alkitab.

Mengapa injil-injil Gnostik tidak dimasukkan dalam Alkitab?

Ada banyak sebab injil-injil Gnostik tidak dimasukkan dalam Alkitab. Para pemimpin gereja awal mencapai sepersetujuan ketika menetapkan sama ada dokumen purba Kristian itu suci dengan menanyakan beberapa soalan asas: Adakah ia ditulis oleh seorang rasul Kristus atau oleh orang yang mempunyai hubungan langsung dengan para rasul? Adakah tulisan-tulisan yang

sedang dipertimbangkan itu mendapat penerimaan meluas sebagai selaras dengan ajaran Kristus dan para rasul? Adakah tulisan-tulisan itu membawa tanda dan kesan kuasa rohani dan kebenaran?

Tiada satu pun injil Gnostik yang mencapai standard Perjanjian Baru sebagai dokumen yang boleh dipercayai. Injil-injil Gnostik tidak selaras dengan laporan terawal dan laporan daripada saksi yang paling dipercayai, dan ia tidak berasaskan Alkitab Yahudi, sebaliknya ia membayangkan pandangan hidup yang sangat berbeza dengan Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru.

Mengapa ramai orang menganggap serius terhadap *The Da Vinci Code*?

Di muka surat judul *The Da Vinci Code*, penulis mendakwa: “**Semua**

penggambaran mengenai kerja seni, seni bina, dokumen, dan upacara rahsia dalam novel ini adalah tepat.” Tambahan pula, Brown memberi satu senarai penghargaan panjang yang meninggalkan kesan bahawa semua sumber dan institusi berprestij ini bekerjasama dengan dia dalam kajiannya.

Oleh sebab banyak sekali plot rumit dan pengembangan tema didasarkan pada dakwaan Dan Brown bahawa kajiannya adalah betul terhadap orang, masa, dan tempat sebenar, maka pembaca mudah mengandaikan bahawa dasar *The Da Vinci Code* itu boleh dipercayai. Oleh sebab wira-wira novel ini adalah “pencari kebenaran,” mereka seolah-olah memimpin kita ke tempat yang lebih tinggi, seperti yang dikatakan oleh seorang profesor Harvard, **“Saya adalah ahli**

sejarah. Saya menentang pemusnahan dokumen, dan saya sangat ingin melihat para cendekiawan agama mempunyai lebih banyak maklumat untuk direnungkan mengenai kehidupan Yesus Kristus yang luar biasa” (hal. 342).

Semangat untuk mengetahui kebenaran kelihatannya diungkapkan oleh seorang lagi wira buku itu, dia seorang penyelidik bernama Teabing, yang memberi kenyataan seperti, **“Ini adalah soal rekod sejarah, ... dan Da Vinci tentu sekali menyedari fakta itu. Perjamuan Akhir terang-terang menunjukkan kepada penonton bahawa Yesus dan Magdalena adalah satu pasangan ... Perkahwinan Yesus dan Maria Magdalena adalah sebahagian rekod sejarah” (hal. 244-245).**

Bagaimanapun, apabila novel ini diselidiki dengan

teliti, fakta yang dikatakan menjadi dasar buku itu tidak bertahan. Richard Abanes menulis dalam bukunya *The Truth Behind The Da Vinci Code*:

Kebanyakan pengkritik akan mengakui bahawa Brown mempunyai hak untuk mengungkapkan apa saja yang ingin dikatakannya.

Bagaimanapun, hal yang menjadi masalah adalah caranya, penerbitnya, dan media telah persembahkan *The Da Vinci Code*: sebagai pendedahan berdasarkan fakta di mana watak- wataknya mendedahkan kebenaran-kebenaran yang sudah lama disembunyikan, atau sekurang-kurangnya diabaikan oleh orang awam (hal. 9).

Pemerhatian ini penting kerana Brown telah berulang kali menegaskan bahawa novelnya berdasarkan pada

fakta. Dalam satu temu bual dia berkata:

Satu daripada banyak ciri yang membuat *The Da Vinci Code* unik adalah sifat ceritanya yang berdasarkan fakta. Semua sejarah, kerja seni, dokumen purba, dan upacara-upacara rahsia dalam novel itu adalah tepat—sebagaimana kod-kod tersembunyi yang didedahkan dalam beberapa lukisan Da Vinci yang paling terkenal (ibid, hal. 9).

Inilah yang membuat *The Da Vinci Code* sangat menggelirukan. Ia mendakwa novel ini sebagai suatu gambaran sejarah yang tepat. Namun, buku itu merupakan campuran fakta dan fiksyen yang licik.

Patutkah *The Da Vinci Code* dianggap sebagai fiksyen sejarah?

Fiksyen sejarah adalah suatu

genre sastra di mana watak-watak bayangannya hidup dalam lingkungan sejarah yang diketahui benar.

Dalam sukatan pelajaran kelasnya berjudul *Using Historical Fiction In The History Classroom* (Menggunakan Fiksiyen Sejarah Dalam Kelas Sejarah), Sarah K. Herz menulis:

Penulis fiksiyen sejarah mesti mencampurkan fakta sejarah dengan imaginasi dan gaya kreatif untuk menguasai seninya. Dia mesti menjadi pakar masa lampau agar dapat menggambarkan dengan tepat tentang pendapat, sikap, kecenderungan, dan tema serta menjalin ceritanya—tepat dalam semua perinciannya—ke dalam bahan-bahan bertema ... Ahli sejarah dan penulis novel sering berbeza pandangan terhadap novel sejarah

dan tujuannya.

Bagaimanapun, kedua-dua pihak bersetuju bahawa penulis fiksiyen sejarah tidak boleh memutarbelitkan kenyataan masa lampau; penulis tidak boleh memperalat fakta-fakta sejarah untuk menjadikan novelnya lebih menarik atau menguja (Institut Perguruan Yale-New Haven).

Menurut takrif ini, *The Da Vinci Code* sepatutnya mengembangkan plotnya dengan jujur kepada sejarah. Apabila penulis dicabar mengenai fakta-faktanya, penulis itu tidak sepatutnya berkata, "Ia hanya novel." Pernyataan seperti itu menempatkan pembaca dalam dunia yang berubah-ubah antara fakta dan fiksiyen.

Dan Brown menulis suatu "sejarah alternatif" tanpa membolehkan pembaca melihat di mana

fakta bermula dan berakhir. Pakar sastera melihat perbezaannya; pembaca biasa mungkin tidak.

Marilah melihat bagaimana sejarah “kebarangkalian” yang digunakan dalam *The Da Vinci Code* memperlatah unsur-unsur yang dikatakan fakta.

Adakah dakwaan tentang “Holy Grail”, “Priory of Sion”, dan “Knights Templar” wujud dalam sejarah?

Menurut *The Da Vinci Code*, *Holy Grail* yang terkenal bukan pula merujuk kepada piala yang digunakan pada Perjamuan Akhir Kristus. Sebaliknya, Brown menggunakan “pakar-pakar” sendiri untuk mencadangkan bahawa *Holy Grail* yang sebenar adalah seorang peribadi, Maria Magdalena, yang meneruskan keturunan darah Yesus Kristus dengan melahirkan anak-Nya. Buku itu juga menyatakan

satu pertubuhan rahsia yang disebut *Priory of Sion* sebagai suatu fakta, yang telah menyembunyikan perhubungan Yesus dan Maria selama berabad-abad. Maria Magdalena, menurut novel yang laris ini, mewakili aspek kewanitaan Tuhan (“wanita Ilahi”)—dikasihi oleh Yesus tetapi disangkal oleh gereja selama beratus-ratus tahun.

Knights Templar juga dimasukkan sebagai pelindung rahsia itu tetapi dipunahkan oleh gereja.

Holy Grail dan *Priory of Sion* hanya merupakan dua daripada banyak “fakta” yang perlu melalui “pemeriksaan realiti” sejarah.

Holy Grail adalah legenda zaman pertengahan tentang cawan yang digunakan semasa Perjamuan Agung. Istilah “Holy Grail” pertama-tama muncul pada tahun 1170 dalam *Perceval*, suatu tulisan cinta tentang legenda

Raja Arthur dan kerajaannya di Camelot. Apabila Brown mengandaikan bahawa *Holy Grail* itu bukan sebuah piala melainkan Maria Magdalena yang meneruskan keturunan Yesus dengan melahirkan anak-Nya, dia mengubah suatu legenda yang sedia ada tentang sejarah “cawan Kristus” dan menggunakannya untuk mengembangkan dakwaan fiksyen tentang Yesus dan Maria.

***Brown mengubah
suatu legenda
yang sedia ada
tentang sejarah
“cawan Kristus” dan
menggunakannya
untuk
mengembangkan
dakwaan fiksyen
tentang Yesus dan
Maria.***

Priory of Sion juga berdasarkan pada fakta, tetapi bukan seperti yang digambarkan oleh Brown. Gelaran itu telah digunakan sebanyak tiga kali pada masa yang berbeza. Pertama, ia adalah golongan biarawan yang ditubuhkan di Yerusalem pada tahun 1100 dan diserapkan ke dalam golongan Jesuit pada tahun 1617.

Priory of Sion yang kedua dan ketiga masing-masing di bawah kepimpinan Pierre Plantard (1920-2000), seorang lelaki Perancis yang menentang kaum Yahudi; dia dipenjarakan pada tahun 1953 kerana penipuan. Pada tahun 1954, Plantard membentuk satu kumpulan yang disebut *Priory of Sion* untuk membantu orang yang memerlukan perumahan kos rendah. Kumpulan itu dibubarkan pada tahun 1957. Kemudian pada tahun 1960-an dan 1970-an, dia mencipta satu siri dokumen

palsu untuk “membuktikan” kewujudan keturunan Yesus dan Maria melalui raja-raja Perancis dan kepada dirinya sendiri (mendakwa bahawa dia berhak menjadi pewaris takhta). Dia dan rakan-rakan sekutunya menyebut diri mereka sebagai *Priory of Sion* dan menyimpan dokumen-dokumen ini di perpustakaan di seluruh Perancis, termasuk di Perpustakaan Negara.

Bagaimanapun, pada tahun 1993, Plantard mengaku dengan sumpah kepada seorang hakim Perancis bahawa dia telah mereka-reka semua dokumen yang berhubung dengan *Priory of Sion*. Hakim itu mengeluarkan amaran keras kepadanya dan membebaskan dia sebagai orang aneh yang tidak berbahaya (www.priory-of-sion.com).

The Knights Templar adalah berdasarkan pada sejarah, tetapi sekali lagi,

ia bukan seperti yang digambarkan dalam *The Da Vinci Code*. Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 1118 sebagai golongan tentera agama, tetapi mereka tidak menjadi kaya dengan menemukan rahsia *Holy Grail*, bukan seperti yang didakwa dalam novel itu. Lagipun, tidak ada bukti bahawa mereka dihapuskan kerana memiliki pengetahuan tersebut.

Adakah Da Vinci dan Isaac Newton ialah ahli *Priory of Sion*?

Kepentingan *Priory of Sion* ditonjolkan dalam jalan cerita *The Da Vinci Code* dengan mendakwa suatu perhubungan yang tidak diketahui ramai, terjalin dengan orang yang sangat pintar seperti Leonardo Da Vinci dan Isaac Newton. Bagaimanapun, sekali lagi, Brown mengasaskan dakwaan-dakwaan ini pada salah satu dokumen palsu

Plantard yang disebut *Les Dossiers Secrets d'Henri Lobineau* (Catatan Rahsia Henri Lobineau). Walaupun seorang hakim Perancis sudah mendapatkan pengakuan Plantard mengenai penipuannya, Dan Brown masih menggunakan “catatan rahsia” ini seolah-olah ia tetap sah.

Fakta-fakta ini penting kepada pembaca *The Da Vinci Code*. Jika tiada bukti yang boleh dipercayai bahawa Leonardo Da Vinci dan Isaac Newton terlibat secara sembunyi dengan *Priory of Sion*, dan jika hanya dokumen palsu yang membuktikan bahawa *Priory of Sion* telah dibentuk untuk menyimpan “rahsia Maria Magdalena,” maka dakwaan fakta-fakta yang lain juga perlu diperiksa dengan terperinci.

Adakah Da Vinci menyembunyikan kunci-kunci

kepercayaannya dalam karya seninya?

Watak utama Dan Brown—Robert Langdon, Sophie Neveu, dan Leigh Teabing—adalah pakar pentafsir kod dan lambang. Inilah salah satu aspek yang sangat menarik perhatian dalam novel ini. Buku ini menunjukkan dengan tepat bahawa Leonardo telah diketahui menggunakan tulisan terbalik (yang dapat dibaca dengan menggunakan cermin) untuk beberapa “**teori progresifnya tentang astronomi, geologi, arkeologi, dan hidrologi**” (hal. 300). Namun, “rahsia” itu kemungkinan lebih bersifat saintifik dan bukan keagamaan. Leonardo adalah di kalangan ahli sains pada Zaman Pembaharuan yang harus berhati-hati agar tidak menimbulkan rasa syak bahawa teori-teori mereka mencabar doktrin gereja tentang penciptaan Tuhan

yang sudah dimantapkan kedudukannya.

Bagaimanapun, Brown menggunakan fakta bahawa esei saintifik tentang gaya-terbalik Da Vinci itu untuk mengandaikan bahawa Leonardo juga meninggalkan kunci-kunci pada karya seninya tentang kepercayaan agama rahsia, dan sekiranya diketahui ia akan mengubah penerimaan orang awam terhadap karya seninya. Dalam *The Da Vinci Code*, pelukis agung itu digambarkan sebagai penyembah dewi yang meninggalkan kunci-kunci dalam karya seninya untuk memberitahu kita bahawa pandangannya terhadap Kristus tidak sejajar dengan ajaran gereja.

Tetapi adakah dakwaan ini boleh dipercayai? Pengkritik seni yang tidak berminat untuk membela gereja telah menolak andaian seperti itu. Pakar-pakar dalam dunia seni percaya

bahawa “kunci-kunci tersembunyi” mengenai iman rahsia Leonardo hanya wujud dalam khayalan orang yang berniat untuk membuat teori persubahatan itu sesuatu yang boleh dipercayai (lihat: Bruce Boucher, *Does The Da Vinci Code Crack Leonardo?* The New York Times, 8/3/03; Sian Gibby, “Mrs. God,” Slate, 11/3/03).

Adakah gambaran buku ini tepat terhadap organisasi Katolik yang disebut sebagai *Opus Dei*?

Pada bahagian awal buku *The Da Vinci Code*, satu “jiwa yang dianiaya” bernama Silas diperkenalkan sebagai pembunuh yang setia dan sedang “melakukan pekerjaan Tuhan.” Rupa-rupanya Silas adalah ahli *Opus Dei*, lengkap dengan tali pinggang pepaku sebagai penahan diri dan kerelaan untuk

membungkam (membunuh) semua musuh pertubuhan rahsia.

Brown memulakan bukunya dengan menyatakan fakta ini: **“Organisasi Vatican yang dikenali sebagai Opus Dei adalah sekta Katolik yang sangat salih dan telah menjadi pokok kontroversi baru-baru ini kerana laporan tentang pembasuhan otak, pemaksaan, dan amalan berbahaya yang dikenali sebagai ‘penahanan keperluan jasmani.’ Opus Dei baru menyelesaikan pembinaan Pusat Nasional yang berharga \$47 juta di 243 Lexington Avenue di Bandaraya New York.”**

Sekali lagi, *The Da Vinci Code* mendakwa telah mendedahkan “rahsia-rahsia” tentang gereja. Hakikatnya, *Opus Dei* yang sebenar adalah organisasi awam Katolik Roma yang

menitikberatkan kesalihan dan perbuatan baik. Pengasasnya, Josemaria Escriva, dilahirkan di Babastros, Sepanyol pada tahun 1902 dan menubuhkan Pekerjaan (atau *Opus Dei*, “pekerjaan Tuhan,” sebagaimana ia dikenali kemudian) untuk menguatkan orang awam dari segi rohani, dan bukan hanya berfokus kepada kerohanian paderi.

Ciri-ciri *Opus Dei* adalah penyangkalan diri dan perbuatan baik yang dilakukan dengan pengorbanan dalam konteks Gereja Roman Katolik. Namun, *The Da Vinci Code* menggambarkan ia wujud untuk menyekat dokumen-dokumen *Priory of Sion* adalah semata-mata perbuatan mengada-ada. Sebagaimana yang kita sudah sebut (hal. 9-11), dakwaan bahawa *Priory of Sion* wujud untuk menjaga rahsia perhubungan antara

Yesus dan Maria adalah tidak berasas dan tidak terbukti.

Setakat manakah gereja telah menurunkan martabat wanita?

Menurut *The Da Vinci Code*, “*Lelaki yang berkuasa pada gereja Kristian awal ‘menipu’ dunia dengan menyebarkan dusta yang menurunkan martabat kaum wanita dan menyebelahi kaum lelaki ... Konstantin dan para pewaris lelakinya berjaya mengubah dunia daripada kekafiran yang mengikut sistem kuasa ibu kepada agama Kristian yang mengikut sistem kuasa bapa, dengan melancarkan kempen propaganda yang mempersetan wanita suci*” (hal. 124).

Tambahan pula, *The Da Vinci Code* merujuk kepada Pasitan Katolik dan

kepada mangsa-mangsa yang “*merangkumi semua cendekiawan wanita, imam perempuan, orang Gipsi, ahli mistik, pencinta alam, pengumpul herba, dan sesiapa wanita yang ‘menyetalakan diri dengan alam semula jadi sehingga menimbulkan kesangsian’*. Bidan juga dibunuh kerana amalan menyeleweng dengan menggunakan pengetahuan perubatan untuk meringankan kesakitan bersalin” (hal. 125).

Memang diketahui umum bahawa para pengikut Kristus tidak selalunya memperlakukan kaum wanita dengan kasih dan hormat seperti yang ditunjukkan oleh Yesus sendiri kepada kaum wanita yang mengikut Dia. Namun, hakikatnya adalah kumpulan-kumpulan yang dianiaya seperti disenaraikan oleh Brown tidak dijadikan

sasaran kerana jantina. Antara lain yang menjadi sasaran Pasitan itu adalah kaum lelaki dan wanita—paderi lelaki, rahib perempuan, seniman, penduduk sementara, dan musuh politik.

Kenyataan *The Da Vinci Code* tentang penurunan martabat yang dilakukan oleh Gereja terhadap kaum wanita hanya betul kerana kegagalan pengikut Kristus sendiri untuk menangkap maksud Alkitab dan Pemimpin mereka. Selama 2,000 tahun, Alkitab bukan sahaja menggesa pembacanya untuk memutuskan hubungan dengan kultus kesuburan dan penyembahan dewi dalam agama kafir, tetapi juga menolak budaya mengikut sistem kuasa bapa yang memperlakukan kaum wanita sebagai hamba, benda seksual, atau harta. Meskipun jiwa budaya ini sering menyusup masuk

ke dalam gereja, perlakuan Yesus terhadap kaum wanita dan ajaran Rasul Paulus bahawa kaum lelaki harus mengasihi isteri mereka sebagaimana Kristus mengasihi jemaah, telah mengubah hati kaum lelaki yang terbuka kepada Roh Kristus (Efesus 5:25).

Oleh sebab pengaruh ini, gereja telah menaikkan kedudukan kaum wanita dalam berbagai-bagai budaya, daripada menjadi harta benda di sisi undang-undang kepada pemilik perhubungan “bersama-sama kamu, akan menerima anugerah hidup sejati dan kekal daripada Allah” (1 Petrus 3:7).

Adakah Maria Magdalena pernah disembah sebagai dewi?

Menurut *The Da Vinci Code*, Yesus mahu Maria Magdalena memulihkan konsep “wanita suci” dalam gereja.

Robert Langdon, pakar lambang dari Harvard, dan pendukung Brown menerangkan: ***“Holy Grail melambangkan wanita suci dan dewi, yang kini sudah hilang kerana sama sekali telah dihapuskan oleh gereja. Kuasa wanita dan kemampuannya untuk menghasilkan kehidupan amat suci pada suatu masa dahulu, tetapi ia menjadi ancaman kepada gereja yang lebih banyak dikuasai oleh kaum lelaki, oleh itu wanita suci tersebut dipersetankan dan disebut tidak suci” (hal. 238).***

Dengan rasional itu, dan dengan dokumen Gnostik pada abad kedua, Brown mengukuhkan kesnya bahawa Yesus bukan hanya mengambil Maria Magdalena sebagai isteri-Nya, tetapi merancang untuk menjadikannya pengasas gereja-Nya (hal. 254).

Bagaimanapun, semua

itu bercanggah dengan rekod yang dianggap oleh ramai cendekiawan sebagai rekod yang tertua dan paling boleh dipercayai. Gambaran Perjanjian Baru akan Maria Magdalena sangat berbeza dengan bayangan Brown tentang dia. Menurut Injil Markus, Yesus membebaskan dia daripada tujuh roh jahat (16:9). Dia sangat bersyukur kerana dilepaskan, lalu dia menjadi pengikut Yesus bersama dengan ramai orang lain, dan memberi sokongan kewangan kepada Yesus dan para pengikut-Nya (Lukas 8:1-3). Dia menyaksikan penyaliban, pengebumian, dan kebangkitan Kristus (Matius 27:55-56; Markus 15:40). Injil Yohanes menyatakan bahawa Maria adalah orang pertama yang melihat Yesus selepas kebangkitan-Nya (Yohanes 20:11-18).

Pendeknya, Perjanjian Baru menggambarkan

Yesus dan Maria sebagai orang yang terhormat dan tidak bercela. Perhubungan mereka adalah munasabah bagi seorang wanita, bersama dengan para pengikut yang lain, mengikut seorang lelaki yang dapat menyembuhkan kaki lumpuh, berjalan di atas air, dan mengubah air menjadi wain. Rekod kitab Injil mengenai persahabatan mereka ditandai oleh hubungan sopan dan rohani yang sedikit pun tidak ada penglibatan romantik.

Namun, meskipun ada bukti dalam sejarah yang menunjukkan bahawa Maria Magdalena ialah salah seorang pengikut yang menyaksikan mukjizat dan kehidupan Kristus yang unggul, *The Da Vinci Code* masih menggambarkan perhubungan romantik mereka yang menuju kepada perkahwinan dan kelahiran anak.

Benarkah Yesus dan Maria Magdalena berkahwin dan mempunyai anak?

Walaupun Perjanjian Baru tidak pernah menyatakan secara terperinci bahawa Yesus tetap membujang, ia memberikan bukti secara tidak langsung bahawa Dia tidak berkahwin seperti rasul-rasul lain dan saudara-saudara lelaki-Nya. Kemudian Rasul Paulus menulis dalam surat pertamanya kepada jemaah di Korintus, "Adakah kami tidak berhak membawa isteri Kristian dalam perjalanan, seperti yang dilakukan oleh saudara-saudara Tuhan Yesus dan oleh rasul-rasul lain, termasuk Petrus?" (1 Korintus 9:5). Sekiranya Yesus berkahwin, pasti Paulus telah menyebut Dia dalam senarainya.

Bukti bahawa Yesus hidup sebagai bujang dan berbakti penuh kepada misi-Nya, bagaimanapun,

tidak ditunjukkan dalam buku *The Da Vinci Code*. Sebenarnya, salah seorang watak utamanya mendakwa, **“Hampir setiap perkara yang diajarkan oleh bapa-bapa kita tentang Kristus adalah dusta” (hal. 235).**

Dalam konteks novel, kenyataan seperti itu mencerminkan “kebebasan bercakap.” Tetapi cerita rekaan bukan sesuatu yang kita mahu menggadaikan nyawa kita.

Darrell Bock, profesor Kajian Perjanjian Baru di Seminari Teologi Dallas, memberikan kenyataan berikut tentang Yesus yang dikatakan berkahwin:

Sejak dahulu kebanyakan cendekiawan percaya bahawa Yesus bujang ... Tiada teks awal Kristian yang kita miliki, sama ada daripada Alkitab atau luar Alkitab yang menunjukkan kehadiran isteri selama pelayanannya, atau selepas

kebangkitan-Nya. Bila sahaja ada teks yang menyebut keluarga Yesus, teks itu merujuk ibu-Nya, saudara-saudara-Nya lelaki dan perempuan, tetapi tidak pernah merujuk isteri. Lagipun, tiada juga tanda-tanda yang membayangkan bahawa Dia adalah duda (*Breaking The Da Vinci Code*, hal. 41).

Selanjutnya, Bock memberikan tiga hujah yang menentang dakwaan bahawa Yesus dan Maria berkahwin:

1. Maria tidak pernah dikaitkan dengan siapa-siapa lelaki apabila dia disebut (Matius 27:55-56; Markus 15:40-41; Lukas 8:2; Yohanes 19:25).

2. Hak seorang pemimpin gereja untuk berkahwin disebut tanpa merujuk kepada Yesus (1 Korintus 9:4-6).

3. Yesus tidak menunjukkan keprihatinan khusus kepada Maria

Magdalena sewaktu Dia di atas salib (Yohanes 19:25-27).

Walaupun Alkitab memberi kita sebab yang menarik untuk membuat kesimpulan bahawa Yesus dan Maria tidak berkahwin, mengapa pula kita harus percaya kepada dakwaan Alkitab dan tidak percaya kepada dakwaan injil-injil Gnostik dan buku *The Da Vinci Code*?

Mengapa kita harus percaya kepada rekod Alkitab mengenai Yesus dan Maria?

Kebolehpercayaan mana-mana dokumen purba bergantung pada kebolehannya untuk bertahan di bawah kriteria ujian masa. Marilah melihat apa ukuran kebolehpercayaan itu dan bagaimana Perjanjian Baru dan injil-injil Gnostik dapat bertahan dengan pengujiannya.

Dalam dunia purba Yunani, Aristotle

memberikan pengaruh yang besar tentang ilham cendekiawan dan saintifik yang masih menyentuh kita hari ini. Lama sebelum teknik percetakan direka cipta, Aristotle telah menggunakan kriteria yang difikirkan dengan baik-baik untuk mengenal pasti kebolehpercayaan suatu dokumen purba. Dia menyenaraikan tiga garis panduan yang telah lulus ujian masa: (1) Adakah orang itu sendiri menyaksikan peristiwa yang dituliskannya? (2) Berapakah salinan catatan peristiwa itu yang kita ada dan sampai mana ketepatannya dengan peristiwa yang digambarkan? (3) Adakah sumber lain di luar dokumen yang menyokong dakwaan dokumen tersebut? Sampai hari ini, ahli sejarah masih mengikut garis panduan ini. Garis panduan tersebut masih menjadi dasar sains mengkritik teks.

Garis panduan seumpama itu menolong kita melihat beberapa sebabnya kebolehpercayaan Perjanjian Baru telah lulus ujian masa. Sebaliknya, dokumen Nag Hammadi (injil-injil Gnostik), ditulis kira-kira 100 hingga 200 tahun selepas kehidupan Yesus. Oleh sebab ia ditulis kemudian dan tidak mempunyai hubungan langsung dengan orang yang mengenal Kristus, tulisan-tulisan itu mencerminkan doktrin Gnostik pada abad kedua dan abad ketiga dan bukan rekod saksi-saksi pada abad pertama.

Perjanjian Baru pula memberi kita cerita daripada saksi-saksi, dengan lebih banyak salinan dan lebih dekat dengan peristiwa yang diceritakan daripada mana-mana dokumen dari abad pertama. Walaupun manuskrip tertua adalah tidak lengkap, namun pengkritik teks telah

berjaya memadankan buktinya. Cebisan-cebisan kecil papiri purba Chester Beatty dan John Ryland membawa para cendekiawan kembali ke masa 40 tahun penulisan Injil Yohanes (F. F. Bruce, *The New Testament Documents—Are They Reliable?* Hal. 17-18). Demikian juga, F. F. Bruce dalam bukunya *Jesus And Christian Origins Outside The New Testament* menunjukkan cara ahli sejarah menggunakan dokumen-dokumen awal yang lain untuk mengesahkan kebolehpercayaan rekod-rekod dalam Perjanjian Baru.

Dengan bukti seperti itu pun, *The Da Vinci Code* masih mampu menimbulkan kebingungan. Dengan plot yang ditulis dengan amat menarik dan mencampurkan “bacaan baik” dengan fakta sejarah dan cerita rekaan, pembaca biasa tidak dapat mengenal pasti di mana kebenaran bermula dan

berhenti. Contohnya, sejarah Maharaja Konstantin yang diputarbelitkan dalam *The Da Vinci Code*.

Adakah Konstantin seorang kafir seumur hidupnya?

Menurut *The Da Vinci Code*, Konstantin merupakan “**seorang kafir seumur hidupnya dan dibaptis sebelum saat terakhir hayatnya kerana sudah terlalu lemah untuk menolak ... Agama rasmi Roma adalah penyembahan matahari—kultus Sol Invictus, atau Matahari Tidak Kelihatan—dan Konstantin adalah ketua imamnya**” (hal. 232).

Sekali lagi, catatan sejarah sangat berbeza dengan apa yang ditulis oleh Dan Brown. Menurut ahli sejarah gereja, Kenneth Scott Latourette, Konstantin seorang Maharaja Roma pada abad keempat yang

mengaku telah mengalami sesuatu yang mengubah hidupnya dan membatalkan polisi penganiayaan yang sudah lama dibuat terhadap orang Kristian. Dengan Edik Milan (TM 313), dia memberikan toleransi kepada agama Kristian seperti toleransi terhadap agama-agama lain pada zaman itu.

Memang benar bahawa tindakan Konstantin yang dikatakan mengikut Kristus dirumitkan lagi dengan hakikat bahawa maharaja Roma ialah ketua politik dan ketua agama negara. Dalam senat Roma, Konstantin dianggap ketua imam kultus *Sol Invictus* dan “pontifex maximus” (komander dan ketua) imam-imam agama itu.

Walaupun ada campuran politik dan kuasa agama kafir, sejarah mencatat bahawa minat Konstantin bukan politik semata-mata. Sebelum Edik Milan dikeluarkannya, orang

Kristian dianggap musuh negara kerana pengakuan mereka bahawa Kristus dan bukan Kaisar adalah Raja atas semua raja, dan Tuhan atas semua tuhan.

Baptisan Konstantin sebelum dia meninggal mungkin mencerminkan kepercayaan menyeleweng pada masa itu bahawa pembaptisan air menyucikan dosa. Ada juga alasan untuk percaya bahawa dia menundakan baptisannya sehingga saat terakhir untuk memastikan agar semua dosanya semasa hidupnya dibasuh.

Adakah Konstantin bertanggungjawab atas pandangan bahawa Yesus itu Tuhan?

Menurut Brown, *“Penerimaan Yesus sebagai ‘Anak Allah’ dicadangkan dan diundi secara rasmi oleh Majlis di Nicaea.”* Dan *“sehingga saat itu dalam sejarah,*

Yesus dianggap oleh para pengikut-Nya sebagai nabi biasa ... seorang yang agung dan berkuasa, tetapi masih manusia. Seorang manusia fana” (hal. 233).

Tanpa sangsi, Konstantin memang seorang yang amat penting dalam sejarah gereja. Dia bukan hanya memberikan perlindungan undang-undang kepada para pengikut Kristus. Dia juga bertanggungjawab menganjurkan pertemuan Majlis di Nicaea (TM 325) untuk membantu para pemimpin gereja mencapai sepersetujuan tentang doktrin Kristus.

Majlis itu diadakan kerana seorang penatua yang sudah berumur, bernama Arius, menyangkal ketuhanan Kristus yang sepenuh dengan mengumumkan, “Ada suatu [masa] ketika [Yesus] tiada.” Arius memberikan hujah bahawa Yesus datang

ke dunia dalam bentuk jasmani, maka Dia pasti boleh berubah—tidak seperti Tuhan, Bapa-Nya.

Pandangan Arius mencetuskan perbalahan yang sengit di kalangan para pemimpin gereja yang yakin bahawa tulisan dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru menunjukkan bahawa Mesias yang datang ke dunia adalah benar-benar Ilahi. Pendapat bahawa Yesus adalah manusia-Tuhan tidak bermula dengan Konstantin. Beratus tahun sebelum Yesus datang ke dunia, nabi-nabi Perjanjian Lama menanti kedatangan seorang Mesias sebagai “Allah Perkasa” (Yesaya 9:6), “Immanuel” (Yesaya 7:14) yang bererti “Allah menyertai kita” (Matius 1:23), dan “Tuhan” (Mazmur 110:1).

Pandangan bahawa Yesus itu Tuhan dalam tubuh, diajar kemudian oleh para rasul yang menjadi

saksi kepada semua yang dikatakan dan dilakukan oleh Yesus.

Menurut Perjanjian Baru, saksi-saksi ini tidak selalunya mudah membentuk pendapat mereka. Seorang antara mereka, bernama Tomas, masih dikenal sebagai “si ragu-ragu.” Namun, selepas bertemu dengan Kristus yang sudah dibangkitkan, Tomas mengaku, “Ya Tuhanku! Ya Allahku!” (Yohanes 20:28).

Dalam zaman kita, kata-kata Tomas mungkin kedengarannya seperti seruan yang kasar. Tetapi pengakuannya mencerminkan kesimpulan yang sudah difikirkan baik-baik oleh para rasul lain yang telah menulis apa yang dilihat dan didengar oleh mereka. Petrus menyebut Yesus sebagai “Tuhan utusan suci daripada Allah” (Yohanes 6:69). Dan Rasul Paulus, selepas dia bertaubat, dia mengakui sifat-sifat Tuhan dan

ketuhanan sepenuh Yesus dalam bentuk manusia-Nya (Filipi 2:5-11; Kolose 2:9).

Ada banyak bukti menunjukkan bahwa percaya kepada ketuhanan Kristus tidak bermula daripada Konstantin.

Bukti yang lain menunjukkan bahwa kepercayaan kepada ketuhanan Kristus mendahului masa Konstantin. Dalam generasi-generasi yang menyusul Zaman Rasul, ketuhanan Kristus yang sepenuhnya diterima secara meluas oleh bapa-bapa gereja. Justin Martyr pada TM 150 menulis, “[Yesus ialah] Firman Tuhan yang pertama-tama dikandung, Dia adalah juga Tuhan.” Pada TM 185,

Irenaeus mengisytiharkan bahawa Yesus dari Nazaret adalah “Tuhan dan Allah dan Penyelamat dan Raja kita.” Clement dari Aleksandria (c. TM 200) berkata bahawa Yesus adalah “Tuhan yang menjelma, Dia yang sama dengan Tuhan alam semesta.”

Apabila Konstantine memanggil pertemuan Majlis di Nicaea, kesimpulan Majlis bahawa Yesus Kristus ialah “Tuhan seutuhnya Tuhan” mempunyai dasar sejarah dan firman Tuhan yang amat kukuh. Penting juga ditunjukkan bahawa dia tidak memimpin Majlis itu melainkan berbakti sebagai pendukung perdamaian dan persetujuan di kalangan ahli (*The Truth Behind The Da Vinci Code*, Abanes, hal. 37; *Breaking The Da Vinci Kode*, Bock, hal. 101-102; *Christendom Volume 1*, Bainton, hal. 97-98).

Sekiranya Konstantin tidak menonjolkan

ketuhanan Yesus yang menjelma menjadi manusia melainkan bersepakat dengan persetujuan yang semakin disokong oleh orang ramai tentang sifat keilahian-Nya, adakah Konstantin bertanggungjawab atas pemusnahan dokumen-dokumen sah yang seharusnya dimasukkan ke dalam Alkitab kita?

Adakah Konstantin mengubah kandungan Alkitab?

“Alkitab, sebagaimana yang kita ketahuinya sekarang, dikumpul semak oleh Konstantin, maharaja Roma yang kafir,” kata “pakar” dalam novel Dan Brown (hal. 231). Dia melanjutkan: *“Oleh sebab Konstantin menaikkan status Yesus hampir empat abad selepas kematian Yesus, ribuan dokumen yang sudah sedia ada, meriwayatkan hidup-Nya sebagai manusia. Untuk*

menulis semula buku sejarah, Konstantin tahu bahawa dia memerlukan pendirian yang berani. Daripada kesedaran ini, timbullah saat yang penting sekali dalam sejarah Kristian ...

Konstantin memberikan perintah dan membiayai satu Alkitab baru, dan tidak memasukkan injil-injil yang menyatakan sifat manusia Kristus dan menonjolkan injil-injil yang menjadikan-Nya seperti dewa. Injil-injil awal [Gnostik] diharamkan, dikumpulkan, dan dibakar” (hal. 234).

Bagaimanapun, sekali lagi, catatan sejarah adalah berbeza. Tidak ada bukti yang Konstantin memberi arahan untuk membakar injil-injil Gnostik. Yang dibakar adalah tulisan-tulisan Arian yang didapati oleh Majlis di Nicaea sebagai ajaran sesat. Pemusnahan dokumen-dokumen itu

lebih menyatakan tentang pembelaan gereja terhadap doktrin Kristus dan bukan asal-usul Perjanjian Baru.

Pengakuan tidak rasmi terhadap kitab-kitab Perjanjian Baru telah dilaksanakan lama sebelum pemerintahan Konstantin. Pengesahan rasmi Perjanjian Baru yang kita ketahui sekarang berlaku 72 tahun selepas Majlis Gereja Agung di Carthage (TM 397). Setelah beberapa puluh tahun selepas pemerintahan Konstantin, buku-buku rasmi Alkitab diratifikasikan (*A Timeline Of Church History*, Conciliar Press).

Adakah *The Da Vinci Code* atau Perjanjian Baru memberi kita “rantai pengetahuan yang tidak terputus” yang lebih baik?

The Da Vinci Code mendakwa kewujudan suatu “rantai pengetahuan yang tidak terputus” (hal. 5)

yang dapat dikesan sehingga Perjanjian Lama. Perjanjian Baru juga mendakwa mempunyai dasar dalam Alkitab Yahudi. Tetapi yang mana satu benar-benar sehaluan dengan Musa dan Nabi-Nabi?

Dan Brown cuba mengaitkan “pengetahuan rahsia” yang dikatakannya itu dengan agama Yahudi awal dan memberikan kenyataan yang memeranjatkan ini: ***“Memang konsep seks sebagai jalan kepada Tuhan sangat membingungkan pada mulanya. Para pelajar Yahudi di bawah Langdon selalu kelihatan tercengang waktu dia mula-mula memberitahu mereka bahawa tradisi awal Yahudi melibatkan upacara seks. Tentu sekali ia berlaku di dalam Rumah TUHAN. Orang Yahudi awal percaya bahawa Bilik Maha***

Suci di dalam Rumah TUHAN yang dibina oleh Salomo, bukan hanya tempat Tuhan tetapi juga Shekinah, wanita yang menjadi rakan setara-Nya yang sangat berkuasa ... tetragrammaton (empat huruf) yang merujuk kepada perkataan Yahudi YHWH—nama suci Tuhan—sebenarnya diambil daripada Jehovah, suatu kesatuan fizikal androgini antara yang lelaki Jah dan nama untuk Hawa sebelum diberi nama Ibrani, iaitu Havah” (hal. 309).

Konsep seperti itu kedengarannya bernada cendekiawan apabila dikatakan oleh seorang profesor simbologi Harvard yang direka-reka. Kenyataan itu juga menyesatkan apabila ditulis oleh seorang yang cuba menulis semula sejarah dan mendakwa bahawa Tuhan berkenan dengan amalan-amalan kafir

berkaitan dengan kultus kesuburan. Bagaimanapun, ini adalah satu lagi contoh di mana fakta-faktanya berbeza.

Pengkaji Carl Olson dan Sandra Miesel mencatat:

Nama “Jehovah” tidak pun wujud sehingga seawal-awalnya abad ketiga belas (dan tidak diketahui umum sebelum abad keenam belas), dan ia adalah perkataan Inggeris. Ia terbentuk apabila konsonan YHWH (atau JHVH) dan huruf vokal Adonai (yang bererti “Tuhan”, nama yang digunakan untuk mewakili YHWH dalam Perjanjian Lama oleh orang Yahudi. Perkataan Ibrani—bukan “pra-bahasa Ibrani”— untuk Hawa adalah hawwâ (disebut “havah”), yang bererti “ibu kepada semua yang hidup” (www.davincihox.com).

Sebaliknya, Brown menggunakan andaiannya sendiri untuk membuat

dakwaannya yang tidak berasas tentang erti dan asal-usul perkataan Ibrani. Pembaca diminta menerima kata-kata Robert Langdon, yang dikatakan pakar bidang ini dalam cerita rekaan tersebut, cuba menghubungkan ibadah Israel dengan kultus kesuburan yang menjadi ciri jiran-jiran Israel. Perhatikan perbezaan takrif yang diberi oleh para cendekiawan Ibrani dalam buku *Theological Wordbook Of The Old Testament*.

Kemungkinan sekali nama [YHWH] seharusnya diterjemahkan seperti ini “Aku adalah Dia yang sebenar,” atau “Aku adalah Dia yang wujud” ... Lebih daripada apa-apa yang lain, mungkin “kewujudan” Tuhan dinyatakan dalam kehadiran dan juga kewujudan-Nya (hal. 214).

Gambaran peribadi Tuhan dalam Perjanjian Lama adalah Dia wujud

secara peribadi dan kekal. Tetapi mengapa perkara ini penting? Orang Ibrani purba dikelilingi oleh orang kafir yang menyembah banyak dewa dan dewi, mempersembahkan anak-anak mereka sebagai korban, dan melakukan upacara seks dan pencabulan dalam bentuk-bentuk lain. Cara-cara ibadah tersebut dikecam oleh nabi-nabi. Sebenarnya, seorang pemerintah di Isreal atau Yehuda sering ditegur atau dihukum berdasarkan sikapnya terhadap kultus kafir itu, sama ada dia menerima atau menolaknya (1 Raja-Raja 15–16).

Namun *The Da Vinci Code* mendakwa bahawa bentuk asal agama Yahudi adalah penyembahan kepada banyak tuhan dan dewi serta upacara seks (hal. 309). Untuk menempatkan amalan kafir seumpama itu di dalam Bilik Maha Suci pasti suatu pelanggaran dan penghinaan kepada hukum Musa.

The Da Vinci Code

bercanggah dengan gabungan kesaksian Alkitab Ibrani. Bagaimana pula dengan Perjanjian Baru? Adakah buku ini memberikan gambaran kesinambungan dengan Perjanjian Lama? Tulisan Paulus, Petrus, Yakobus, Yohanes, dan Yudas bergabung dengan Injil Matius, Markus, Lukas, dan Yohanes adalah antara sumber-sumber lain daripada Perjanjian Lama untuk menyokong pandangan mereka terhadap Kristus. Mereka membina atas kesaksian nabi-nabi Yahudi yang menantikan kedatangan seorang Penyelamat yang akan dilahirkan oleh seorang anak dara (Yesaya 7:14; Matius 1:18, 24-25). Mesias ini akan dilahirkan di Betlehem (Mikha 5:2; Lukas 2:4-7). Walaupun Dia raja, Dia akan masuk ke Yerusalem dengan rendah hati, dengan menaiki keldai (Zakharia 9:9; Matius 21:6-

Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru memang sehaluan dengan tepat sekali

11). Bahkan beberapa abad sebelum penyaliban direka cipta sebagai suatu cara menghukum bunuh, perbuatan menikam dan membunuh Mesias sudah diberitahu (Yesaya 53; Zakharia 12:10; Matius 27). Mesias yang menang atas kematian dalam kebangkitannya telah dinubuatkan (Mazmur 16:10; Yesaya 53:10; Kisah Rasul 2:31). Penepatan nubuat-nubuat tentang Mesias adalah sebahagian sahaja daripada unsur lain yang lebih luas yang juga ditepati oleh peribadi yang unggul, Yesus dari Nasaret.

Sejak berabad-abad, ramai orang telah memperhatikan bahawa "Perjanjian Baru

ada dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru ada diterangkan dalam Perjanjian Baru.” Kedua-dua bahagian ini memang sehaluan dengan tepat sekali—sesuatu yang mustahil dihasilkan dengan dibuat-buat.

Adakah “pemenang” menulis semula sejarah untuk menyesuaikannya dengan selera mereka?

Pakar “pemburu Grail” dalam novel Dan Brown memberitahu Sophie: *“Sejarah selalu ditulis oleh pemenang. Apabila dua budaya bertembung, yang kalah akan dihapuskan, dan yang menang menulis buku sejarah—buku-buku yang memuji kepentingan mereka sendiri dan memperkecil musuh yang sudah dikalahkan. Sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Napoleon, ‘Apakah sejarah, selain suatu cerita dongeng yang*

dipersetujui?” (hal. 256).

Ada satu masalah dengan dakwaan buku itu bahawa maharaja Konstantin telah menulis semula sejarah. Oleh sebab Konstantin tidak mungkin dapat mengumpulkan dan mengubah gabungan bukti sejarah yang berlaku sebelum zamannya.

Dokumen-dokumen purba termasuk rekod Perjanjian Baru, tetapi tidak terhad kepada kitab ini sahaja, menceritakan kisah saksi-saksi yang melihat Firman Perjanjian Lama ditepati dalam diri Kristus dan yang rela menderita dan mati untuk perkara yang dilihat oleh mereka dalam kehidupan, kematian, dan kebangkitan Kristus. Saksi-saksi ini hidup dan mati meskipun Roma berkuasa, bukan kerana Roma berkuasa. Sebelum masa pemerintahan Konstantin, mereka lama sekali dibenci dan dianiaya (1 Korintus

1:26-31). Para pengikut Kristus merupakan orang terbuang dalam masyarakat. Mereka yang menjadi saksi sejarah Kristus, tergolong orang miskin dan tidak berkuasa, dan bukan “pemenang,” seperti yang didakwa oleh Brown.

MEMISAHKAN FAKTA DARIPADA CERITA REKAAN DONGENG YANG DIREKA DENGAN LICIK

Rasul-rasul Kristus yang mula-mula mengetahui perbezaan antara fakta dan cerita rekaan. Penulis kitab Perjanjian Baru yang kita kenal sebagai Rasul Petrus menulis:

Semasa kami memberitahu kamu tentang Tuhan kita Yesus Kristus yang akan datang dengan penuh kuasa, kami tidak bergantung kepada

dongeng yang direka-reka manusia. Dengan mata kepala sendiri kami melihat kemuliaan Kristus (2 Petrus 1:16).

Petrus mengesahkan bahawa iman Kristian yang bersejarah tidak berdasar pada cerita dongeng yang tidak berdasarkan fakta.

“Dongeng yang direka-reka” boleh diterjemahkan secara harfiah sebagai “dibentuk dengan kesenian oleh kepintaran manusia.”

Kamus teologi, *The Theological Dictionary Of The New Testament* membuat pemerhatian berikut:

Beberapa ajaran Gnostik yang tidak dikhususkan telah disentuh dalam 2 Petrus 1:16, tetapi amarannya berbentuk umum untuk menjauhkan diri daripada semua ajaran palsu, yang hanya menyampaikan mitos dan bukan pewahyuan yang benar.

Perhatikan bahawa

Kami tidak bergantung kepada dongeng yang direka-reka manusia. Dengan mata kepala sendiri kami melihat kemuliaan Kristus (2 Petrus 1:16).

kamus Alkitab ini mengenal pasti ajaran Gnostik dan mitos yang tidak selaras dengan peristiwa yang dicatat dalam Alkitab sebagai “dongeng yang direka-reka.”

Perkataan dongeng secara harfiah bererti mitos. Pentafsir yang lain juga mendapati unsur-unsur mitos dalam ajaran Gnostik. Misalnya:

Mungkin rujukan di sini adalah ... kepada andaian Gnostik tentang zaman atau sesuatu yang datang dari jurang yang amat dalam dan kekal (Vincent dan Wuest).

Bukan juga bererti bahawa semua cerita rekaan dan mitos itu salah. Ada juga beberapa mitos purba, seperti cerita Aesop atau perumpamaan Zen, yang telah melalui ujian masa sebagai pengajaran moral dalam fiksiyen. Karya itu tidak ditulis untuk membuat dakwaan tentang sejarah melainkan untuk memberi gambaran yang menyentuh hati manusia. Demikian juga, novel-novel yang ditulis dengan baik boleh menggunakan bayangan yang digabungkan dengan latar belakang sejarah untuk menceritakan kisah yang menarik dan memberi wawasan. Bagaimanapun, *The Da Vinci Code* mengubah fakta sejarah untuk mempromosi gambaran Yesus menurut Gnostik dan khayalan. Hasilnya adalah “cerita rekaan yang ditulis dengan licik”.

MEMUTARBELITKAN KEBENARAN

Perjanjian Baru memberi amaran:

Roh Allah dengan jelas mengatakan bahawa pada akhir zaman beberapa orang akan menyangkal Kristus. Mereka akan taat kepada roh yang menyesatkan dan kepada ajaran roh jahat (1 Timotius 4:1)

Selama berabad-abad, apa yang disebut oleh Paulus sebagai “ajaran-ajaran roh jahat” telah bersaing dengan kebenaran dalam fikiran dan hati setiap generasi.

Pada 1942, seorang cendekiawan Oxford dan pembela Kristian bernama C. S. Lewis, cuba membayangkan sikap pemikiran dan strategi roh-roh jahat itu dalam buku berjudul *Screwtape Letters*. Ia adalah kumpulan surat-surat fiksiyen daripada satu roh jahat yang lebih tinggi pangkatnya, bernama

Screwtape, dan dikirim kepada roh jahat muda bernama Wormwood, iaitu anak buah dan anak didiknya. Screwtape memberi anak buahnya nasihat tentang cara menggunakan dusta dan penipuan untuk menghalang pemuda yang diserahkan kepadanya daripada melihat kebenaran mengenai “musuh.”

Dalam satu perbualan, Screwtape menggesa Wormwood untuk cuba menghalang “pesakitnya” daripada mengenal Yesus yang sebenar dengan menggunakan pendapat “Yesus dalam sejarah.” Screwtape berkata:

Dalam generasi lalu, kami memperkenalkan “Yesus dalam sejarah” yang merupakan rekaan berdasarkan fahaman liberal dan kemanusiaan; kini kami memaparkan sesuatu yang baru tentang “Yesus dalam sejarah” berdasarkan Marxisme,

bencana, dan revolusi. Ada pelbagai keuntungan daripada rekaan ini, dan kami harap dapat mengubahnya setiap tiga puluh tahun. Pertama, semuanya cenderung membawa manusia untuk menyembah sesuatu yang tidak wujud, kerana setiap “Yesus dalam sejarah” itu tidak bersejarah. Dokumen-dokumen [kitab-kitab Injil Perjanjian Baru] mengatakan apa yang ingin dikatakan oleh mereka dan tidak dapat ditambah; oleh itu, setiap “Yesus dalam sejarah” yang baru adalah di luar [Alkitab] dengan mengurangkan suatu bahagian dan membesar-besarkan bahagian lain (hal. 123-124).

Yesus dalam *The Da Vinci Code* dikatakan sebagai “Yesus dalam sejarah.” Buku itu menyebut Kristus sebagai manusia yang amat baik tetapi menyangkal

bahawa Dia lebih daripada itu. Pemburu Grail dalam fiksiyen Brown berkata, **“Tiada seorang pun yang berkata bahawa Kristus itu penipu, atau menyangkal bahawa Dia pernah hidup di bumi dan memberi ilham kepada jutaan orang untuk menjadi lebih baik. Kita hanya berkata bahawa Konstantin mengambil kesempatan atas pengaruh besar dan kepentingan Kristus. Dengan demikian, dia membentuk rupa agama Kristian sebagaimana yang kita ketahui hari ini (hal. 234).**

Sebagaimana yang kita lihat, tiada bukti yang menyatakan bahawa Konstantin cuba mengubah rekod Perjanjian Lama atau Perjanjian Baru. Dan oleh sebab Alkitab telah disalin, diedarkan, dan ditulis dengan begitu rupa, maka tidak mungkin Konstantin mengubah rekod yang sedia ada, meskipun dia ingin

berbuat demikian.

Sesiapa yang menyebut Yesus sebagai guru yang baik, tetapi bukan Tuhan dan Penyelamat, dapat berbuat demikian hanya dengan mengetepikan atau membuang gabungan bukti yang ada. Para nabi Yahudi, saksi-saksi daripada golongan rasul, bapa-bapa gereja, dan ratusan juta orang telah mengikut Kristus dengan cukup lama untuk menemukan kebenaran dalam Dia di sepanjang 2,000 tahun yang lalu.

Sebaliknya, *The Da Vinci Code* menggabungkan cerita rekaan dengan fakta yang diputar belit, sambil merujuk kepada tulisan musuh gereja yang dikenal pada abad kedua dan ketiga, teori komplot, dan dakwaan “dokumen salasilah” yang belum terbukti dan tidak pernah dijumpai.

Kebenaran tentang Kristus lebih menakjubkan daripada fiksyen—dan

kebolehpercayaannya jauh lebih kukuh.

UJILAH ROH

Pengikut yang duduk paling rapat dengan Yesus pada masa Perjamuan Akhir meninggalkan Injil tentang hidup-Nya bagi kita, dan tiga surat pendek tentang ajaran rohani. Ramai cendekiawan Perjanjian Baru percaya bahawa surat 1 Yohanes mengingat pada suatu jenis Gnostik purba semasa rasul itu menulis:

Sahabat-sahabat yang aku kasih! Janganlah percaya kepada semua orang yang mengaku bahawa mereka mempunyai Roh Allah, tetapi ujilah mereka untuk mengetahui sama ada roh yang ada pada mereka itu berasal daripada Allah atau tidak. Hendaklah kamu berbuat demikian kerana banyak nabi

palsu telah pergi ke serata tempat. Inilah caranya kamu boleh mengetahui sama ada roh itu Roh Allah atau tidak: Sesiapa mengakui Yesus Kristus datang ke dunia sebagai manusia, orang itu mempunyai Roh yang datang daripada Allah. Tetapi sesiapa menafikan hal ini tentang Yesus, orang itu tidak mempunyai Roh Allah. Orang itu mempunyai roh daripada Musuh Kristus. Kamu sudah mendengar bahawa roh itu akan datang, dan sekarang roh itu sudah di dunia ini. Tetapi anak-anakku, kamu milik Allah. Kamu sudah mengalahkan nabi-nabi palsu itu, kerana Roh yang ada pada kamu lebih berkuasa daripada roh yang ada pada orang milik dunia ini (1 Yohanes 4:1-4).

Keyakinan Yohanes kepada Kristus masih kuat

pada hari ini sama seperti pada zaman dunia purba. Dia telah mengenal Yesus, bukan sahaja sebagai

“Akulah jalan untuk mengenal Allah dan untuk mendapat hidup. Tidak seorang pun dapat datang kepada Bapa kecuali melalui Aku” (Yohanes 14:6).

sahabat (Yohanes 21:20-24), tetapi sebagai Pencipta dunia (Yohanes 1:1-3), yang berkata, “Akulah jalan untuk mengenal Allah dan untuk mendapat hidup. Tidak seorang pun dapat datang kepada Bapa kecuali melalui Aku” (Yohanes 14:6).

BACAAN CADANGAN

- 1) *The Truth Behind The Da Vinci Code* karya Richard Abanes (Eugene: Harvest House, 2004).
- 2) *Breaking The Da Vinci Code* karya Darrell Bock (Nashville: Thomas Nelson, 2004).
- 3) *Cracking Da Vinci's Code* karya James Garlow dan Peter Jones (Colorado Springs: Victor, 2004).
- 4) *The Da Vinci Deception* karya Erwin W. Lutzer (Wheaton: Tyndale, 2004)
- 5) *Jesus & Christian Origins Outside The New Testament* oleh F. F. Bruce (Grand Rapids: Eerdmans, 1974).
- 6) *The New Testament Documents—Are They Reliable?* karya F. F. Bruce (Grand Rapids, Eerdmans, 1973).

Penterjemah: Stemmah Sariau

Editor: Lydia Ng

Buku Asli: "*The Da Vinci Code: Separating Fact from Fiction*"

Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik, © 1996 Bible Society of Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara. © 2006 RBC Ministries, Grand Rapids, Michigan. Dicitak di Malaysia.